

D355

B 8768 AAB
MAHATHIR - SARAWAK R R R R R

KOTA BAHARU, 12 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DALAM KRISIS KEPIMPINAN DI SARAWAK SUPAYA TIDAK BERTINDAK DI LUAR GARISAN UNDANG-UNDANG.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN BANGUNAN UMNO NEGERI DI SINI PETANG INI PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA HARUS BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG UNTUK MENYELESAIKAN SEBARANG KRISIS YANG BERLAKU.

BELIAU YANG JUGA Pengerui Barisan Nasional berkata pihaknya sedang meneliti perkembangan yang berlaku di Sarawak yang dikatakan bermula selepas +kumpulan 28+ yang mengandungi anggota-anggota Dewan Undangan Negeri itu mendesak Ketua Menteri Datuk Patinggi Taib Mahmud +meletakkan jawatan secara terhormat atau menghadapi undi tidak percaya+.

Ditanya sama ada pilihanraya akan diadakan di negeri itu ekoran krisis tersebut, Perdana Menteri berkata beliau belum menerima maklumat tentang perkara itu setakat ini.

Katanya, sehingga ini beliau tidak dapat membuat penilaian tentang apa yang berlaku kerana tidak mengetahui apa sebenarnya yang berlaku kerana keadaan masih kabur. - LAGI.
1855MST 12 03 87

D358

B 8769 AAB
MAHATHIR - SARAWAK 2 KOTA BAHARU R R R R R

Ditanya sama ada Parti Bansa Bersatu Dayak (PBDS) pimpinan Datuk Leo Moggie dibenarkan bertanding atas lambang sendiri jika pilihanraya diadakan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau akan meminta pandangan anggota-anggota Barisan Nasional terlebih dahulu.

Beliau berkata beliau tidak dapat menentukan perkara itu selagi belum mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin BN.

Beliau bagaimanapun tidak pasti bila Majlis Tertinggi BN akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan perkara tersebut kerana belum mendapat maklumat jelas.

Mengulas langkah membubarkan Dewan Negeri Sarawak ekoran undi tidak percaya +kumpulan 28+ itu terhadap Datuk Patinggi Taib, Perdana Menteri berkata, + dari segi undang-undang memang ia boleh dilakukan+.

Tetapi bagi Datuk Patinggi Taib Mahmud, kata Perdana Menteri kejadian itu (undi tidak percaya) berlaku di Kuala Lumpur dan Datuk Patinggi Taib masih mendapat kepercayaan rakyat (di Sarawak). - LAGI.

1900MST 12 03 87

D360

B 8771 AAB
MAHATHIR - SARAWAK 3 KOTA BAHARU R R R R R

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Datuk Patinggi Taib dalam perjumpaan dengannya dua hari lepas menyatakan bahawa beliau (Ketua Menteri) masih mendapat sokongan dan kepercayaan rakyat dan menyerahkan kepada rakyat untuk menentukan kedudukan beliau.

+ saya berharap pemimpin-pemimpin yang terlibat mematuhi undang-undang dan tidak melakukan sesuatu di luar batasan undang-undang+, ujarnya.

Beliau berkata keadaan yang berlaku di Sarawak masih samar-camar baginya kecuali mendapat tahu melalui akhbar kedatangan sekumpulan pemimpin dari negeri itu ke Kuala Lumpur mengadakan perbincangan secara sulit. - BERNAMA.

1904MST 12 03 87